

CUEPACS SOKONG PENJAWAT AWAM DINILAI PRESTASI KERJA

Utusan Malaysia
3/12/2015

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyokong tindakan terhadap penjawat awam yang menunjukkan prestasi kerja tidak memuaskan termasuk dikenakan pemberhentian kerja. Menurut Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, tindakan di bawah dasar pemisah itu boleh memberi peringatan terhadap golongan terbabit agar sentiasa mematuhi peraturan kerja dan disiplin bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan tersebut.

“CUEPACS menyokong langkah kerajaan itu dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam. Pada masa sama, tindakan itu juga boleh memberi pengajaran kepada penjawat awam lain agar lebih bertanggungjawab dengan tugas mereka,” katanya. Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa semalam yang berkata penjawat awam yang dinilai dengan markah bawah 60 daripada markah penuh 100 dalam penilaian 2015 berisiko dikenakan tindakan itu.

Ali berkata, sebanyak 2,943 daripada 1.6 juta penjawat awam telah mencatat markah rendah dalam penilaian yang dijalankan untuk prestasi 2014 terdiri daripada golongan yang sering ponteng kerja atau melepak di kantin semasa waktu kerja. Sehubungan itu, Azih menasihati penjawat awam yang termasuk dalam kategori itu agar mengambil peluang tempoh setahun yang diberikan itu bagi meningkatkan semula prestasi kerja mereka sekali gus mengelakkan daripada dibuang kerja tanpa mendapat faedah.

“Bagi penjawat awam yang mendapat markah 60 ke bawah dan dibuang kerja, mereka masih mendapat faedah seperti pencen. Tetapi bagi yang mendapat markah 50 dan ke bawah saya difahamkan mereka tidak akan mendapat faedah itu,” katanya. - UTUSAN ONLINE